

» Dipilih sebagai universiti terbaik di Asia dalam penghasilan penerbitan dan kerjasama serantau bidang kejuruteraan



Penyelidik UMP menghormati nama negara pada peringkat antarabangsa apabila hasil penyelidikan mereka meraih anugerah platinum dan lima pingat emas pada Pameran Reka Cipta Britain (BIS) pada tahun lalu.

jian siswazah dan penyelidikan universiti di rantau ini.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata kejayaan itu amat membanggakan dan menyuntik semangat untuk pencyarahnya terus berkarya dengan kreatif dan inovatif berpaksikan budaya penyelidikan unggul dan berkualiti tinggi.

Katanya, kejayaan itu juga adalah hasil kerja keras penyelidik dan pencyarah universiti itu yang tekad dalam memberi tumpuan bagi menghasilkan penerbitan ilmiah yang berkualiti dan pengalaman budaya penyelidikan dalam universiti ini.

Penerbitan Ilmiah

"Pada tahun lalu sahaja UMP berjaya menghasilkan 340 penerbitan ilmiah yang merangkumi karya asli, monograf, artikel jurnal, kertas persidangan, bab di dalam buku dan rencana ilmiah.

"UMP juga berjaya menghasilkan penerbitan berkualiti pada peringkat antarabangsa apabila Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal Antarabangsa (IJAME) diindeks oleh pangkalan data terkenal dunia iaitu SCOPUS dan Elsevier Bibliographic Database (EBD) dalam tempoh yang singkat," katanya, di sini baru-baru ini.

Laporan UNESCO itu juga mencatatkan lima prinsip yang diambil kira dalam penilaian membabitkan prospek pengajian dalam lapangan sains, kebudayaan dan komunikasi, perkongsian pengetahuan dan aktiviti pengajaran, penggunaan instrumen yang standard, pembabitian universiti dalam kerjasama serantau serta pertukaran informasi dan maklumat.

Lebih membanggakan, UMP juga disenaraikan antara 15 universiti terbaik Asia dalam pertumbuhan penghasilan penerbitan berkaitan multi-disiplin.

Justeru, Daing Nasir berkata, UMP akan memberi tumpuan terhadap aktiviti yang memberi nilai tambah kepada kecermerlangan penyelidikan berteraskan kreativiti dan inovasi dalam merealisasikan hasrat menjadi universiti teknologi pilihan utama menjelang tahun 2015.

"Kita juga akan terus aktif dalam meneroka idea baru yang lebih kreatif dan inovatif dengan memberi peluang seluas-luasnya dalam kalangan penyelidik untuk memanfaatkan ilmu teknologi yang dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti dalam kehidupan rakyat di negara ini," katanya.

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) diiktiraf universiti terbaik di Asia dalam penghasilan penerbitan dan kerjasama serantau dalam bidang kejuruteraan, mengikut laporan terbaharu Pertubuhan Pendidikan, Sainifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

UMP yang dikategorikan antara 15 universiti terbaik mencatatkan peratusan peningkatan paling tinggi pada

kadar 131 peratus dikul Universiti Malaysia (68 peratus), Universiti Kebangsaan Malaysia (67 peratus), Universiti Perlindungan Beijing (63 peratus).

Universiti lain pula ialah Universiti Putra Malaysia (58 peratus), Universiti Teknologi Malaysia (56 peratus) dan Maharaja Sayajirao Universiti Baroda India (46 peratus).

Kejayaan UMP itu hasil daripada laporan UNESCO bertajuk Pendidikan Tinggi di Asia: Diperluaskan, Dipertingkatkan' itu dijalankan pihak UNESCO Institute of Statistics, International Institute for Educational Planning, ELSEVIER dan United Nations University, International Institute for Software Technology (UNU-IIST) dalam melihat pertumbuhan penga-



Penyarah UMP Prof Dr. Jose Linares memenangi Anugerah Cendekia Bitara 13 apabila produk penyesuaian dalam bidang dielectricized solar cell dan electromagnetic shielding rajukan ilmu, sebuah dunia.

UMP juga berjaya menghasilkan penerbitan berkualiti pada peringkat antarabangsa apabila Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal Antarabangsa (IJAME) diindeks oleh pangkalan data terkenal dunia"

Daing Nasir Ibrahim, Naib Canselor UMP



Penyarah UMP, Abdul Syukur Abd Razak menghormati nama negara apabila terpilih sebagai penerima World Inventor Order of Merit Award 2013 daripada Korean Invention News (KINews) berikutan kejayaan pengkomersialan produk penyelidikan FISOPTERA, PHYTOGREEN dan WASRA.